

06/09/1997

Hayati sepenuhnya amanat Presiden

AHLI Majlis Tertinggi (MT) Umno sependapat ucapan dasar Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah yang terbaik kerana menyentuh semua aspek penting, termasuk budaya, agama dan sosial.

Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed menyifatkan orang Melayu perlu menghayati sepenuhnya amanat yang disampaikan Dr Mahathir supaya masa depan mereka tidak gelap.

Sehubungan itu, beliau yang juga ahli MT berkata orang Melayu mesti bekerja bersungguh-sungguh kerana tiada jalan mudah untuk cemerlang di dunia dan akhirat.

"Bagaimanapun, orang Melayu juga perlu mengekalkan kecemerlangan yang dicapai sekarang supaya kemajuan yang dikecapi kini berterusan," katanya.

Selain itu, menurutnya, mesej yang disampaikan oleh Perdana Menteri itu juga relevan terhadap masyarakat Islam di seluruh dunia dengan tekanan diberikan terhadap mengembalikan imej mereka.

Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat, pula berkata amanat Dr Mahathir supaya umat Islam menerima proses pemodenan sangat penting supaya umat Islam tidak terus ketinggalan berbanding masyarakat lain.

Beliau berkata, saranan itu tepat pada masanya ketika kepemimpinan negara sedang bertungkus-lumus untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju menjelang 2020.

"Oleh itu, dalam kita melangkah ke alaf baru, peranan masyarakat Islam membantu parti dan kerajaan amat penting sekali.

"Malangnya, hari ini ada usaha untuk memecah-belahkan orang Islam kerana Islam dipolitikkan bukan saja oleh sesetengah parti politik, tetapi tokoh Islam yang membuat pelbagai tafsiran sehingga menakutkan orang Islam," katanya.

Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata amanat Dr Mahathir itu menunjukkan tiada tempat bagi golongan ekstrim dalam Islam.

Menurutnya, ucapan Perdana Menteri itu yang menyentuh mengenai Islam sungguh praktikal dan tepat pada masanya kerana tanda-tanda kecenderungan terhadap sikap ekstrim mula ketara di negara ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, berkata ini kali pertama beliau mendengar satu ucapan daripada Presiden parti yang menyentuh semua aspek dan dengan bahasa yang mudah difahami.

"Ucapan itu begitu lengkap, bahasa yang cukup senang dan mudah difahami oleh perwakilan," katanya mengulas ucapan dasar Presiden Umno, di sini semalam.

Menurutnya, sebagai seorang ahli MT, beliau yakin ucapan yang begitu bernas itu mampu mempengaruhi perwakilan yang terdiri daripada peringkat akar umbi parti.

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ali Rustam, berkata ucapan Dr Mahathir kena pada masanya terutama ketika negara menyambut kemerdekaan ke-40.

"Ini adalah kali pertama dalam perhimpunan seperti ini Presiden memberi ucapan yang menyeluruh, lengkap dengan pesanan dalam aspek budaya dan agama.

"Ucapan itu perlu dijadikan panduan untuk semua pihak termasuk bangsa lain untuk meneruskan perjuangan serta membentuk ketahanan diri kental," katanya.

(END)

